

UTUSAN MALAYSIA : 22 DISEMBER 2008

DALAM NEGERI

Anjakan paradigma dalam rawatan penagih dadah

KUALA LUMPUR 21 Dis. - Anjakan paradigma kini perlu dilakukan dari segi tempat merawat penagih dadah dari pusat-pusat pemulihan sekarang ke masjid- masjid dan tempat-tempat ibadat lain, kata seorang pakar psikiatri terkemuka Prof Dr. Mohamad Hussian Habil hari ini.

Beliau memberitahu *Bernama* anjakan itu akan memberi dua faedah, dalam erti penagih berada dalam persekitaran masjid yang aman damai di samping membantu penagih memenuhi keperluan rohaniah mereka.

Selain itu, ini akan banyak mengurangkan perbelanjaan kerajaan dalam pemulihan penagih.

Pada masa ini, kerajaan membelanjakan kira-kira RM300 juta setahun bagi menyenggara dan mengendali pusat-pusat ini di seluruh negara. Terdapat kira-kira sejuta penagih dadah dalam negara.

Prof. Mohamad, ketua Jabatan Psikiatri Pusat Perubatan Universiti Malaya berkata, cadangan itu telah dikemukakan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menerusi pasukan petugas bersama bagi pemulihan penagih dadah Kementerian Kesihatan.

Cadangan

Prof. Mohamad yang juga anggota pasukan petugas itu berkata perbincangan sedang berjalan mengenai cadangan itu.

Beliau menyatakan Jakim hanya perlu mengatur venue dan menyediakan kemudahan untuk pegawai klinik merawat penagih di premis masjid.

Prof. Mohamad berkata methadone digunakan bagi merawat penagih heroin sementara veranicline atau champiq bagi penghidu gam. Kedua-dua rawatan adalah untuk tempoh tiga hingga enam bulan dan ini didapati amat berkesan.

Pendekatan sekarang ialah merawat penagih sebagai pesakit yang memerlukan perhatian perubatan memandangkan ubatan jenis dadah dapat membantu mereka mengatasi ketagihan.

Penyelidikan di Pusat Perubatan Universiti Malaya menunjukkan 65 peratus daripada penagih yang menjalani rawatan methadone telah dapat bekerja semula selepas rawatan enam bulan.

Mengenai cadangan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar supaya penagih yang telah pulih diambil bekerja oleh kerajaan, beliau berkata ia idea yang bagus oleh kerana ini dapat membantu menghapuskan stigma keseluruhan masalah penagihan dan memberikannya "imej" baru.

Ketika ini, kebanyakan penagih yang pulih diambil bekerja oleh sektor swasta.

Prof. Mohamad berkata, adalah penting untuk menyedari bahawa penagihan adalah "penyakit" dan ia boleh diubati seperti juga diabetes, darah tinggi dan malaria.

Beliau berharap masyarakat tidak memulaukan penagih dadah oleh kerana mereka juga seperti orang biasa yang memerlukan kasih sayang dan mempunyai keluarga dan keinginan untuk berjaya dalam hidup.